

# UMS, JPAM diminta perhebat aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawan

OLEH MARRYAN RAZAN  
marryan@newsabaitimes.com.my

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Sabah diminta terus memperhebatkan aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawan bagi meningkatkan imej universiti dan jabatan kerajaan.

Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman berkata, kerjasama erat antara jabatan dan agensi kerajaan itu penting untuk membantu masyarakat yang memerlukan bantuan.

"Sebagai anggota Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor Sispas) UMS, anda mempunyai kelebihan berbanding siswa-siswi yang lain.

"Saya percaya dengan pelbagai ilmu kemahiran yang dipelajari, bukan sahaja menjadikan anggota Kor SISPAs sebagai graduan yang marketable, tetapi berupaya memberi bantuan menghadapi bencana, kecemasan dan peperangan.

"Ini kerana ilmu dan latihan merangkumi elemen kepimpinan, disiplin, kerja berpasukan dan jati diri membolehkan siswa-siswi menjadi pemimpin keluarga, komuniti dan negara pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan sempena majlis Pentaulihan Kor Siswa-Siswi Pertahanan Awam (KOR SISPAs) UMS dan Penganugerahan Pingat Kedaulatan Negara (PKN) di Dewan Resital, UMS, di sini, kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan oleh Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Kamarlin Haji Ombi.

Turut hadir Ketua Pengarah JPAM Dato' Zaitun Ab Samad dan Timbalan Naib Canselor UMS merangkap Komandan KOR-SISPAs UMS Prof. Madya Dr. Ismail Ali.

Musa turut merakamkan penghargaan

kepada 51 orang Pegawai Kadet SISPAs UMS yang menerima pentaulihan pada majlis itu.

"Para siswa-siswi yang akan menceburi pelbagai bidang pekerjaan dan kerjaya adalah bakal pemimpin, penentu halatuju dan bakal mencorakkan masa depan negara," katanya.

Beliau berkata penglibatan para siswa dan siswi dalam Kor SISPAs sebagai nilai tambah dalam membentuk sahsiah dan jati diri golongan itu yang bakal menjadi pemimpin pada masa akan datang.

"Justeru, saya berharap agar majlis pentaulihan ini dapat menyemarakkan lagi semangat kesukarelawan sekaligus menarik minat lebih ramai siswa-siswi menyertai Kor SISPAs pada masa hadapan," katanya.

Musa turut menghargai komitmen UMS yang membuka ruang kerjasama dengan JPAM Sabah dalam menjayakan program seumpama itu.

"Sehubungan itu, saya berharap agar pihak universiti dan JPAM akan terus memperhebatkan lagi aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawan agar orang ramai dapat merasai keberadaan dan kesiapsiagaan kita sekaligus meningkatkan imej universiti, jabatan dan kerajaan umumnya," katanya.

Beliau juga merakamkan penghargaan kepada seramai hampir 100 orang anggota JPAM Sabah yang dianugerahkan Pingat Kedaulatan Negara (PKN) pada majlis itu.

Katanya pengiktirafan dan penghargaan khas kerajaan itu diberikan kepada mereka yang bertugas semasa Ops Daulat di Lahad Datu, pada tahun lepas.

"Saya menyeru kepada para Pegawai Kadet SISPAs agar menjadikan para penerima PKN sebagai contoh teladan, kerana mereka sanggup berkorban demi memastikan kedaulatan, keamanan dan kemerdekaan negara terus terpelihara daripada sebarang ancaman dan keganasan," katanya.



BERSAMA ... Kamarlin bergambar bersama pegawai-pegawai kanan JPAM Sabah dan anggota KOR Sispas UMS.



TAULIAH ... Kamarlin menyampaikan pentaulihan kepada Ismail.